

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 September 2015

Kuasa buat keputusan tanpa rujuk Putrajaya

Um - 16/9/2015

LUNDU 15 Sept. - Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memberi lebih kuasa kepada pengarah jabatan kerajaan di negeri ini untuk membuat keputusan tanpa merujuk kepada Putrajaya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, keputusan itu selaras dengan persetujuan kerajaan sebelum ini untuk memberi penurunan atau pemerkasaan lebih kuasa Persekutuan kepada Sarawak.

"Saya telah menjanjikan bahawa kita (kerajaan Pusat) akan membuat penurunan kuasa Kerajaan Persekutuan kepada Sarawak.

"Antara penurunan kuasa yang kita akan lakukan ialah lebih banyak keputusan akan dibuat bukan hanya di Putrajaya tetapi diturunkan ke peringkat negeri Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Memulakan Kerja Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak Jajaran Teluk Melano-Sematan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusuf; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Morshidi Abdul Ghani.

Pada 10 Ogos lalu, Najib dalam ucapan ketika Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2015 di Padang Merdeka di Kuch-



NAJIB TUN RAZAK menunjukkan peta jajaran lebuhraya pada Majlis Memulakan Kerja Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak Jajaran Teluk Melano-Sematan di Lundu, Sarawak, semalam. Turut hadir Wan Junaidi Tuanku Jaafar (kiri). - BERNAMA

ing mengumumkan Kerajaan Pusat bersetuju pemerkasaan lebih kuasa Persekutuan kepada Sarawak dan Sabah bagi memberi lebih banyak kuasa kepada dua negeri berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pada fasa yang pertama, pihaknya akan menurunkan kuasa seperti Pengarah Jabatan kerajaan di peringkat negeri ini diberikan kuasa lebih dalam membuat keputusan

di Sarawak ini tanpa perlu lagi merujuk kepada Putrajaya.

"Dengan ini (kuasa) mereka akan mengetahui apa yang lebih tepat dan sesuai diperlukan oleh rakyat di Sarawak," jelasnya.